

PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2015

Semua Dekan/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.
YH Prof. Dato/YBhg. Prof/Prof Madya/Tuan/Puan,

KONTRAK BERPUSAT BAGI MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KERTAS PUTIH DAN KERTAS BERWARNA KE PUSAT-PUSAT TANGGUNGJAWAB UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

TUJUAN

Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) bahawa pembelian bagi kertas putih dan kertas berwarna perlu dibeli secara terus daripada syarikat yang telah dilantik oleh pihak Universiti seperti di Lampiran 1.

LATARBELAKANG

2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga Universiti Bil 6 Tahun 2015 telah meluluskan pelantikan Koperasi UMP Berhad bagi tempoh dua tahun melalui kontrak UMP/BEND/SH/2015(53): Membekal Dan Menghantar Kertas Putih Dan Kertas Berwarna Ke Pusat-Pusat Tanggungjawab Universiti Malaysia Pahang.

2.2 Dengan berkuatkuasanya pekeling ini, semua PTJ tidak lagi dibenarkan menguruskan pembelian sendiri dan hendaklah membuat pesanan kertas putih dan kertas berwarna secara terus kepada syarikat yang telah dilantik seperti di Lampiran 1

PROSEDUR/TATACARA PELAKSANAAN

- 3.1 PTJ hendaklah menghubungi pihak syarikat bagi membuat tempahan jenis item dan kuantiti kertas;
- 3.2 Setiap tempahan hendaklah disertakan dengan pesanan tempatan;
- 3.3 Nombor kontrak hendaklah dicatatkan dalam pesanan tempatan;
- 3.4 Peruntukan PTJ hendaklah mencukupi bagi setiap tempahan;
- 3.5 Universiti berhak untuk tidak membuat pembayaran bagi mana-mana pembelian kertas yang tidak dibuat melalui syarikat yang telah dilantik ini.

TARIKH KUAT KUASA

4. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 14 September 2015.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan tugas


ZAINUDIN BIN OTHMAN
Bendahari
Universiti Malaysia Pahang

Jumaat, 4 September 2015

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar

LAMPIRAN 1

| | | |
|-----------------------|---|---|
| TARIKH KELULUSAN | : | 24 Ogos 2015 |
| NAMA JAWATANKUASA | : | Jawatankuasa Sebutharga Universiti |
| NO. KONTRAK | : | UMP/BEND/SH/2015(53) |
| TAJUK KONTRAK | : | MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KERTAS PUTIH DAN KERTAS BERWARNA KE PUSAT-PUSAT TANGGUNGJAWAB, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG |
| NAMA SYARIKAT | : | KOPERASI UMP BERHAD (C20624) Aras 1, Bangunan Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang Lebuhraya Tun Razak 26300 Gambang, Pahang |
| NAMA UNTUK DIHUBUNGI | : | EN. MOHD AFDHAL BIN ABDUL HAMID |
| NO TELEFON/ FAKSIMILI | : | 09-549 3258 / 09-549 3259 |
| TEMPOH KONTRAK | : | 2 Tahun |
| TARIKH MULA | : | 14 September 2015 |
| TARIKH TAMAT | : | 13 September 2017 |

JENIS-JENIS KERTAS:

| Bil | Perkara | Jenama | Kuantiti / RIM | Harga (RM / RIM) |
|-----|-----------------------------|------------|----------------|------------------|
| 1 | Kertas A4 – 80 gsm | Double A | 1 | 14.00 |
| 2 | Kertas A4 – 70 gsm | Double A | 1 | 10.00 |
| 3 | Kertas A4 Berwarna – 80 gsm | Lucky Star | 1 | 13.00 |
| 4 | Kertas A3 – 80 gsm | Double A | 1 | 23.00 |